

31 JUL 1996

Mahathir-Kejayaan

KEJAYAAN MALAYSIA BUKAN USAHA SAYA SEORANG, KATA PM

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan segenap lapisan masyarakat supaya jangan menganggap kejayaan yang dinikmati Malaysia dalam pelbagai bidang sekarang sebagai usaha beliau seorang.

Sambil mengingatkan mereka betapa anggapan seperti itu boleh menjurus kepada pemujaan peribadi, Perdana Menteri berkata kejayaan yang dinikmati sekarang sebenarnya hasil kerjasama dan kerja kuat setiap lapisan rakyat.

"Saya tidak mahu mendapat nama untuk diri saya seorang bagi apa juga (kejayaan) yang telah berlaku," katanya ketika berucap pada majlis jamuan tengah hari anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia di sini hari ini, sempena ulang tahun ke-15 beliau menjadi Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, apa yang dinikmati oleh Malaysia sekarang banyak berpunca daripada asas-asas kukuh yang disediakan oleh bekas para pemimpin negara.

Katanya tugas beliau adalah untuk memperkukuhkan lagi asas-asas itu dengan kerjasama rapat barisan jemaah menteri, kerajaan-kerajaan negeri, anggota sektor awam, peniaga tempatan dan luar negara serta kesatuan-kesatuan sekerja.

Dalam hal ini, Perdana Menteri berkata, beliau amat terhutang budi kepada kerjasama yang telah diberikan oleh segenap lapisan rakyat, terutama rakan-rakannya dalam kabinet, yang telah begitu banyak memberi sumbangan sejak beliau memegang jawatan Perdana Menteri 15 tahun lepas.

Katanya, walaupun kadangkala beliau tidak bersetuju dengan pendapat rakan-rakannya dalam kabinet mengenai sesuatu perkara, beliau tetap bersama-sama mereka berusaha menjayakan perkara yang telah dipersetujui secara kolektif itu.

"Kadang-kadang mereka bersetuju melakukan perkara yang saya tidak setuju. Tapi itu tidak mengapa kerana kadang-kadang mereka betul, kadang-kadang saya yang betul," katanya disambut gelak ketawa hampir 1,000 hadirin majlis itu yang terdiri daripada tokoh-tokoh korporat tempatan serta beberapa orang menteri kabinet.

Dr Mahathir berkata, beliau juga amat terhutang budi kepada kerajaan-kerajaan negeri, anggota sektor awam dan swasta, para pelabur dalam dan luar negara serta kesatuan-kesatuan sekerja yang begitu banyak memberi sumbangan kepada pertumbuhan pesat ekonomi negara.

Beliau berharap kerjasama yang erat itu akan dapat diteruskan walaupun selepas orang lain menjadi Perdana Menteri sebagaimana yang telah dilakukan sekarang dan sebelum ini dalam usaha memastikan Malaysia mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020.

Terdahulu, Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia, Tan Sri Yahaya Ahmad berkata sektor swasta di negara ini amat menghormati dan menghargai wawasan dan kepimpinan dinamik Dr Mahathir sejak 15 tahun lepas.

Katanya, kesungguhan dan ketangkasan Perdana Menteri memacu ekonomi negara ini telah menyebabkan berlaku anjakan paradigma di kalangan setiap rakyat sehinggakan tempoh 15 tahun itu dirasakan amat singkat.

"Kepimpinan Datuk Seri telah melahirkan dinamisme baru kepada sektor swasta Malaysia dan menyumbang kepada pertumbuhan pesat ekonomi negara sehingga setiap rakyat kini boleh berasa bangga," katanya.

Jamuan tengah hari itu turut dihadiri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datin

Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Pada majlis itu, Sasterawan Negara Datuk Dr Usman Awang mendeklamasikan sajak bertajuk "Kepada Pemimpin Perdana Dr Mahathir Mohamad (Sempena 15 Tahun Pentadbirannya)".

Ini disusuli sajak nukilan Dr Mahathir bertajuk "Perjuangan Yang Belum Selesai" yang dipersembahkan dalam bentuk lagu oleh penyanyi Badan Kesenian Tentera Darat, Nurliza Nudin.

-- BERNAMA.

AH AHH //